

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 July 2015

Pan Borneo pacu pertumbuhan ekonomi - Najib

um - 2/7/2015

KUALA LUMPUR 1 Julai - Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak bakal membawa pertumbuhan ekonomi yang pesat kepada negeri itu, sekali gus akan menjadi pemangkin kepada transformasi kehidupan rakyat Sarawak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, lebuhraya tersebut akan membuka pelbagai peluang pembangunan kepada penduduk Sarawak, selain menambah baik aspek perhubungan antara bandar di negeri itu.

"Saya yakin projek ini akan menjadi pemangkin untuk mentransformasikan kehidupan saudara kita di Sarawak dan mengubah landskap Bumi Kenyalang, seterusnya membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat di sana.

"Impian saya melihat pembangunan sama rata dan pengurangan jurang antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak semakin menjadi



Impian saya melihat pembangunan sama rata dan pengurangan jurang antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak semakin menjadi kenyataan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

kenyataan. Insya-Allah kita akan berusaha melaksanakan projek ini bersama," katanya menerusi blog www.najibrazak.com hari ini.

Semalam, Perdana Menteri men-yaksikan pemeteraian perjanjian pembinaan projek Lebuhraya Pan

Borneo Sarawak sepanjang 1,090 kilometer di Sarawak melibatkan kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri Sarawak dan Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd (LBU).

Lebuhraya Pan Borneo Sarawak merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Pan Borneo sepanjang 2,239 km membabitkan kos keseluruhan RM27 bilion dan yang akan menjadi penghubung bandar utama di Sabah dan Sarawak.

Projek tersebut dijangka siap sepenuhnya pada 2020 dan fasa pertama pembinaan lebuhraya itu melibatkan jajaran sepanjang 773 kilometer akan dimulakan seawal September ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menjelaskan, sebagaimana pertumbuhan ekonomi yang dibawa hasil pembinaan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Pan Borneo juga akan merealisasikan pembangunan berpaksikan rakyat.